



**PERPUSTAKAAN UiTM KAMPUS SAMARAHAN:
KAJIAN MENGENAI PANDANGAN DAN TAHAP
PENGUNAAN PERPUSTAKAAN DIKALANGAN PELAJAR
SEPENUH MASA, PLK DAN PJJ**

Oleh:

HALIMAH BT ABDUL (97038704)
NORAIDA BT YASSI @ YASSIN (97235057)
NORMALAWATI BT HASSIM (97038862)
PHYLLIS ROSE BT RAMBLI (97038928)
SURAYATI BT NARAWI (97039016)

KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI
PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG, UiTM KAMPUS
SAMARAHAN BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA
KEPERLUAN PROGRAM DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN

APRIL 2000

ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah bertujuan untuk mengkaji pandangan dan tahap penggunaan perkhidmatan perpustakaan di kalangan pelajar UiTM dan masyarakat serta pengguna lain. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti punca-punca pelajar kurang mengunjungi perpustakaan dan seterusnya mencari penyelesaian untuk menangani masalah penggunaan ini daripada berterusan. Skop kajian ini adalah terhad kepada pelajar-pelajar di UiTM kampus Samarahan. Ini kerana kajian kami hanya tertumpu kepada perpustakaan di UiTM kampus Samarahan sahaja.

Mengikut kajian yang dijalankan, Perpustakaan UiTM kampus Samarahan memainkan peranan yang penting dalam membantu pelajar mendapatkan maklumat dan sebagai tempat untuk melakukan aktiviti lain.

Berdasarkan penemuan yang diperolehi terdapat beberapa masalah telah dikenalpasti antaranya bahan rujukan yang kurang mencukupi dan tidak sesuai, perkhidmatan yang tidak memuaskan dan suasana persekitaran yang tidak selesa. Masalah-masalah ini diperolehi melalui data primer iaitu pemerhatian yang dijalankan, temuduga berdepan, pendedaran borang soal selidik dan melalui data sekunder.

Berdasarkan keputusan analisis data yang diperolehi kebanyakan pelajar perempuan menjadikan tujuan utama mereka ke perpustakaan adalah untuk mencari buku rujukan. Di samping itu, didapati pelajar sering mengunjungi perpustakaan pada sebelah petang dan

SENARAI KANDUNGAN

Judul	Muka Surat
Penghargaan	i
Abstrak	ii - iii
Senarai Kandungan	iv - v
Glosari	vi - vii
Senarai Jadual	viii
Bab 1	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Objektif Kajian	2-3
1.3 Kepentingan Kajian	3-4
1.4 Skop Kajian	4-5
1.5 Penyata Masalah	5
1.6 Hipotesis	6-7
1.7 Andaian Kajian	7-8
1.8 Konstren Kajian	8-9
1.9 Tinjauan Kajian	10-19
1.10 Ringkasan Bab	19-20
Bab 2	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Latarbelakang Perpustakaan	22-25

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perpustakaan merupakan pusat untuk mendapatkan gedung ilmu. Ianya, merupakan satu sumber yang penting untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan. Menyedari akan kepentingan ini, kami telah membuat keputusan untuk membuat kajian tentang tahap penggunaan dan perkhidmatan yang ditawarkan di perpustakaan terutamanya Perpustakaan Universiti Teknologi MARA kampus Samarahan (UiTM).

UiTM kampus Samarahan menawarkan program-program seperti Diploma Pentadbiran Awam, Diploma Perakaunan, Diploma Pengurusan Perniagaan, Diploma Pengurusan Bank, Diploma Sains Kesetiausahaan, Diploma Kejuruteraan Awam, Sijil Pengurusan Hotel, Pra Perdagangan dan Pra Sains, Ijazah Pemasaran, Ijazah Kewangan dan Ijazah Perakaunan bagi pelajar sepenuh masa.¹

Ia juga menawarkan Program Luar Kampus (PLK) dan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ). UiTM kampus Samarahan adalah pelopor utama dalam memperkenalkan program PJJ. Ia juga satu-satunya UiTM cawangan yang menawarkan program lanjutan selain daripada cawangan induk UiTM Shah Alam.

¹ <http://www.itm.edu.my/branch/srwk/srwk.html>, 10/1/1999

BAB 2

LATARBELAKANG PERPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Perpustakaan UiTM kampus Samarahan ditubuhkan pada tahun 1973 seiring dengan penubuhan ITMCS pada masa itu. Perpustakaan dibina supaya pelajar, pensyarah dan kakitangan dapat menggunakannya untuk mendapatkan segala sumber ilmu dan maklumat. Matlamat utama penubuhan perpustakaan ini ialah untuk menyediakan koleksi yang mantap dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkualiti kepada penggunanya.¹⁸

2.2 Latarbelakang Perpustakaan

Kajian mengenai Perpustakaan UiTM kampus Samarahan dijalankan untuk mengetahui sejauhmana tahap penggunaannya. Di samping itu, untuk mendapatkan pandangan pengguna tentang perpustakaan, sama ada tentang perkhidmatannya, suasana, bahan rujukan dan sebagainya.

Perpustakaan UiTM kampus Samarahan mempunyai seramai 19 tenaga pekerja yang diketuai oleh seorang Ketua Bahagian/Pustakawan. Struktur organisasi perpustakaan UiTM kampus Samarahan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu **Unit Perolehan dan**

¹⁸ <http://www.itm.edu.my/branch/srwk/srwk.html>, 10/1/1999